

“Negara Haram Israel,, Wajib Dihapuskan Dengan Jihad

Dengan tipu daya dan putar belit Inggeris dan disokong oleh Amerika, dalam perperangan tahun

1914-18, Lord Balfour telah mengeluarkan suatu kenyataan pada 2 November 1917 sebagai suatu tajaan “bertimbang rasa kepada cita-cita kaum Yahudi” untuk mendirikan sebuah negara di tanah orang-orang Arab di Palestin. Apabila tamat Perang Dunia yang pertama itu maka Palestin terletak di bawah mandat British dan dengan tipu daya kedua kerajaan *capitalist* yang ganas itu, Inggeris dan Amerika, sedikit demi sedikit orang-orang *Şahyūnī* (Yahudi yang dihalau dari Eropah Barat, dari German dan lain-lainnya, dihantarkan dan dimasukkan ke Palestin sama ada dengan cara haram atau terang kerana menjalankan perasaan yang cukup bertimbang rasa kepada cita-cita kaum Yahudi itu).

Kemasukan orang-orang *Şahyūnī* itu bukan sahaja dengan badan tetapi dengan harta benda dan wang dan dengan demikian kedudukan orang-orang Arab, yang berada di dalam negeri itu makin terhimpit dan terdesak dan akhirnya, tiga puluh tahun lebih sesudah Perisytiharan Balfour maka pada 14 Mei 1948 negara Israel pun didirikan oleh British, disokong oleh Amerika dengan paksaan supaya orang-orang Arab menerima – ertiinya orang-orang Arab ditindas untuk menerima keputusan itu dan dengannya harta benda orang-orang Arab dirampas dan terjadilah pelarian orang-orang Arab Palestin dari tanah tumpah darahnya.

Negara Israel itu mengandungi 7993 batu per segi penduduknya (1948) 782,000 orang termasuk 713,000 orang Yahudi, Januari (1960) 2,189,000 termasuk 1,895,000 Yahudi.

Orang-orang Arab mengadakan pertentangan-pertentangan yang hebat semenjak daripada didirikan negara Yahudi itu dan perjuangan yang besar sekali berlaku apabila Inggeris dan Perancis menyerang Mesir (1956) dan terjadilah suatu tekanan kepada negara-negara Arab oleh Majlis Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengadakan perdamaian di dalam mana

di antara semenanjung Sinai yang bersempadan dengan Israel sejauh 117 batu itu diletakkan tentera Bangsa-bangsa Bersatu untuk menjauahkan perkelahian-perkelahian di antara orang-orang Mesir dengan orang-orang Israel itu dan sebaliknya di antara sempadan-sempadan yang lain, Jordan, Syria dan Lubnan sungguhpun ada pasukan tentera-tentera Bangsa-bangsa Bersatu tetapi sempadan mereka boleh dikatakan dikata berhadapan langsung.

Bagi Israel, negara yang diharamkan oleh orang-orang Arab itu boleh lepas keluar melalui laut Mediterranean dengan bebasnya dan untuknya lalu lalang ke Lautan Merah ia mengadakan suatu pelabuhan “haram” yang bernama Eilat iaitu suatu kawasan yang tidak dibenarkan ia mengadakan pelabuhan di dalamnya sekalipun dengan keputusan pembahagian Bangsa-bangsa Bersatu. Dikecualikan tujuh batu dari pantai Aqaba yang terletak di atas pendudukan haram Teluk Aqaba itu sebelah terletak di bawah jajahan Republik Arab Bersatu dan yang sebelah lagi di bawah kerajaan Saudi dan Jordan.

Dengan ini maka teluk itu adalah tetap perairan orang-orang Arab sekalipun apa juar orang mahu mengatakannya.

Penaja negara haram Israel, Amerika, berperi-peri mengatakan bahawa

perairan Teluk Aqaba itu ialah perairan bangsa-bangsa. Akuan ini tidak berasas dan kerana itu kerajaan Pakistan tegas menyokong perdirian orang Arab dan hak mutlaknya di atas teluk itu dan kerajaan Pakistan sedia akan berjuang bersama-sama dengan negara-negara Arab terhadap pembebasan Palestin.

Dengan terletaknya Terusan Suez di tangan Mesir (sesudah 1960) dan pandangan undang-undang bangsa-bangsa Israel negara yang tidak diakui oleh Mesir maka Mesir berhak menahan kapal-kapal Israel daripada lalu lalang di Terusan Suez itu dan dengan itu pelabuhan Eilat adalah menjadi “nyawanya” untuk hidup daripada mendapat barang-barang dengan Afrika dan Timur dan sebab itulah tulangnya Teluk Aqaba kepadanya bererti menahan “nafasnya” dan ini diketahuinya dan diberi “timbang rasa” oleh bapa-bapa angkatnya, Inggeris dan Amerika.

Tiap-tiap bencana ada gunanya – pepatah ini tepat kerana di dalam mana tadinya negara-negara Arab itu bercakar-cakaran satu sama lain sekarang dengan serta-merta mereka melupakan perselisihan mereka lalu mereka bersatu menghadapi musuh yang utama Israel yang didirikan oleh

British dan Amerika di negara Arab. Mereka telah berazam kuat untuk mengeluarkan Israel di tanah mereka.

Yang mengagumkan dunia tiga minggu sebelum Nasser mengambil langkah, Jordan dan Mesir boleh dikatakan sekandang tak sebau tetapi dunia terperanjat melihat Malik Hussein dari Jordan terbang ke Kaherah untuk menandatangani satu perjanjian pertahanan dan perpaduan bersama untuk menentang Israel. Begitu juga dengan Iraq dan Syria dan Sa'udi Arabiyah.

Kerajaan Tunisia yang dahulunya memboikot Arab League sekarang bersedia bersatu semula.

Morocco, Libya, Sudan, Algeria sebarisan dengan Kuwait dan Iraq telah bersama-sama berdiri untuk menegakkan jihad bagi menegakkan kehormatan Baitul Maqdis dan mereka memboikot negara-negara yang menyokong Yahudi.

Afghanistan, Iran, Turki, Indonesia dan Malaysia menyatakan

sokongannya di sebelah negara-negara Arab sebagai menyempurnakan tugas mereka untuk mengeluarkan Israel yang didirikan dengan haram di tanah orang-orang Arab itu.

* * *

Seruan jihad kepada umat Muslimin telah melaung di udara. Mujahid-mujahid diseru untuk menumpahkan darahnya untuk menegakkan kemuliaan tanah suci yang diwajibkan umat Muslimin berjihad di atasnya. Umat Muslimin wajib dan mesti terus-menerus berjuang dan kalau mereka tidak berjuang serta melarikan diri dari perjuangannya menegakkan Islam tentu mereka akan terkutuk kemudiannya. Sekalipun Baitul Maqdis sekarang di tangan Şahyūnī namun tugas umat Islam terus mesti dijalankan.

Lihatlah nikmat dan pertunjuk daripada Allah. Baru beberapa hari mereka bercakar-cakaran di antara negara Arab dengan negara Arab, di antara negara Islam dengan negara Islam tetapi apabila bendera kemuliaan agama yang dikibarkan dari semenanjung di medan

Badar dan medan Uhud cuba diperkosa maka mereka terus melupakan segala peristiwa dan perselisihan di antara mereka sesama mereka dan sama bahu-membahu menghadapi musuh Islam yang besar semenjak daripada zaman Rasulullah (S.A.W) dahulu, musuh yang sentiasa mencorengkan di muka umat-umat Islam coreng-corengan arang sehingga dengan tipu dayanya imperialis Amerika dan British mahu menegakkan sebuah negara di tanah orang-orang Arab.

Tidakkah ini suatu corengan arang di seluruh muka umat Islam yang wajib dihapuskan oleh umat Islam seluruhnya?

Perhatian: Di dalam masa pemecahan Palestin majlis Bangsa-bangsa Bersatu membuat keputusan tidak membenarkan sebuah pantai pun berada di Teluk Aqaba buat orang-orang Yahudi. Tetapi pada tahun 1948 mereka mengambil tujuh batu tanah-tanah di pantai Aqaba dan didudukinya sehingga perdamaian. Mereka telah membina pelabuhan itu semenjak tahun 1965



Suatu pemandangan yang indah permai di Kota Damsyik-Syria.